



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh  
75450 Melaka

Tel:06-2895000  
Faks:06-2345201 / 5202 / 5207  
Web:http://portalpp.anm.my/melaka

Ruj.Kami : ANM(UKPP)MEL/12(5)  
Tarikh : 13 Januari 2023  
Bersamaan : 20 Jamadilakhir 1444H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.5/2023/P : PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN  
(SECOND VALIDATION) PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semakan tambahan (*second validation*) ke atas pembayaran emolumen pegawai awam akan dilaksanakan pada suku pertama 2023 bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti pembayaran Kerajaan.

3. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan perlu memastikan maklumat **Nombor Kad Pengenalan dan nombor akaun bank** di dalam sistem *payroll* (HCM) adalah **SAMA** dengan maklumat di sistem bank. PTJ hendaklah menyimpan sesalinan penyata akaun bank semua pegawai yang sedang berkhidmat bagi tujuan ini.

4. Sekiranya terdapat perbezaan, pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengemaskini maklumat yang tepat dengan mengunci masuk perubahan gaji di sistem HCM **selewat-lewatnya pada 02 Februari 2023**. Mohon perhatian yang serius kerana perbezaan maklumat antara sistem HCM dan sistem bank akan menyebabkan **pembayaran gaji pegawai tidak berjaya**.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

**[SHABIBAH BINTI BACHOK (C.A.(M), CPA(Aust.))]**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka